

Eksklusif Bersama YBhg. Datuk Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan

Wanita dan sukan bukanlah sesuatu yang asing bagi perkembangan dunia sukan zaman sekarang. Malah penglibatan wanita dalam struktur pentadbiran persatuan sukan dan kepimpinan sukan juga adalah penting bagi memastikan penyertaan golongan wanita dalam sukan massa dan sukan prestasi tinggi dapat dipertingkatkan ke suatu tahap yang lebih cemerlang.

Penglibatan wanita dilihat masih kurang sebagai pembuat keputusan dan pemimpin dalam organisasi sukan. Oleh itu, Kementerian Belia Dan Sukan berusaha membangunkan inisiatif baharu untuk memperkukuh kedudukan wanita dalam sukan sebagai salah satu langkah memberi ruang dan peluang kepada mana-mana individu wanita yang ingin menyumbang bakti dalam perkembangan sukan negara ke peringkat lebih tinggi.

Ikuti temubual eksklusif bersama YBhg. Datuk Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah, Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) yang merupakan KSU wanita pertama di KBS dan antara individu yang mencetus idea untuk merencanakan pembangunan wanita dalam sukan sebagai salah satu usaha kementerian bagi memastikan penglibatan dan pencapaian wanita dalam sukan dapat ditingkatkan.



S: Boleh Datuk kongsi penglibatan Datuk dalam bidang sukan semasa di peringkat sekolah dan universiti dan apakah rutin sukan, senaman dan rekreasi aktif yang Datuk amalkan dalam kehidupan seharian Datuk?

J: Saya kurang melibatkan diri dalam bidang sukan semasa di sekolah rendah tetapi buat pertama kalinya semasa darjah 3 saya merupakan 'bidan terjun' mewakili rumah sukan bagi acara lompat tinggi. Apa yang lebih mengujakan adalah saya memenangi acara tersebut walaupun tidak pernah melibatkan diri dalam mana-mana acara sukan. Walaupun saya merupakan juara bagi acara lompat tinggi namun saya tidak meneruskan penglibatan saya dalam acara tersebut atas dasar kurang minat. Ini adalah kerana pada masa tersebut saya lebih minat dan aktif dalam sukan bola jaring memandangkan saya pelajar yang paling tinggi di dalam kelas saya. Justeru itu saya sering terlibat dalam sukan bola jaring dan posisi saya ketika itu adalah penjaring gol atau *Goal Shooter* (GS). Pada masa itu jurulatih kami pernah meletakkan saya di posisi pertahanan gol atau *Goal Defence* (GD) tetapi saya kurang menyerlah dalam posisi GD.

Semasa di sekolah menengah pula saya lebih aktif melibatkan diri dalam sukan olahraga. Menjadi antara pelajar yang memiliki ketinggian yang tinggi sering kali dianggap akan memenangi acara olahraga. Ramai yang tidak tahu bahawa saya adalah rakan sekolah kepada YBhg. Datuk Zaiton Othman, bekas olahragawati kebangsaan semasa bersekolah di St. George Girls School, Pulau Pinang. Jadi pada masa itu beliau dan seorang lagi pelajar bernama Aini Vijaya merupakan atlet olahraga yang sering memenangi acara tersebut dan merupakan atlet lumba lari terbaik sekolah. Walaupun pada masa itu saya dilihat aktif dalam sukan olahraga, saya tidak meneruskan aktiviti tersebut kerana saya meletakkan fokus pada akademik dan hanya menjadikan sukan sebagai aktiviti sampingan sahaja.

Di universiti, saya tidak melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti sukan kerana memberi sepenuh tumpuan kepada akademik. Saya menjadikan jogging sebagai aktiviti senaman yang kerap saya lakukan kerana minat dan aktiviti tersebut telah menjadi amalan saya selepas tamat kelas. Semasa saya terlibat dalam latihan kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) juga saya akan berjoging setiap petang dan selepas habis waktu bekerja juga jika berkesempatan saya akan berjoging sehingga sekarang. Setiap hujung minggu saya akan pastikan saya berjoging atau berjalan kaki di tasik berhampiran kawasan perumahan saya.

Semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) di bawah Institut Sukan Negara (ISN) melaksanakan program Fit Malaysia X yang menggalakkan penyertaan daripada kalangan warga KBS untuk bersama-sama melaksanakan rutin senaman harian dan apa yang menariknya adalah program ini dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih yang berpengalaman. Jadi itulah antara rutin senaman yang saya lakukan bagi memastikan kesihatan saya berada di tahap yang baik.



“Saya juga berharap golongan wanita sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuan dalam apa jua bidang yang menjadi minat mereka. Bagi saya tiada apa yang menjadi halangan kecuali diri mereka sendiri”

S: Boleh Datuk kongsi sukan kegemaran Datuk dan siapakah atlet yang menjadi idola Datuk?

J: Seperti yang saya maklumkan tadi sukan kegemaran saya adalah bola jaring dan semasa di bangku sekolah juga saya bermain bola lisut (*softball*) sekadar suka-suka dan mengisi masa lapang. Jika ditanya berkenaan atlet yang menjadi idola saya sudah semestinya YBhg. Datuk Nicol Ann David. Bagi saya beliau merupakan permata satu dalam sejuta dan aset negara yang bernilai. Beliau akan sentiasa menjadi ikon kepada jutaan rakyat Malaysia.

S: Dalam dapatan Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) menyatakan bahawa salah satu indikator dalam Domain Kecintaan Sukan iaitu Attachment adalah merujuk kepada skor rasa ikatan yang mendalam terhadap sukan dengan terlibat secara langsung dalam membaca, menulis serta mengemaskini status berkaitan sukan. Bagaimana pula dengan attachment Datuk terhadap sukan?

J: Saya lebih kepada menonton televisyen untuk mengikuti perkembangan sukan dan menonton acara sukan. Bergantung kepada jenis sukan yang ditayangkan. Contohnya program sukan yang selalu saya ikuti ialah Piala Dunia dan Olimpik kerana saya ingin tahu di mana kedudukan Malaysia dalam sukan yang dipertandingkan semasa Olimpik dan jika ditanya acara kegemaran saya semasa Olimpik, saya lebih gemar menonton acara olahraga. Bagi Piala Dunia pula saya tidak mempunyai pasukan kegemaran dan hanya menonton secara umum sahaja.

S: Melihat kepada penglibatan dan minat Datuk dalam bidang sukan tidak dinafikan yang Datuk sememangnya aktif dan mengambil berat tentang sukan. Jadi, bagaimana Datuk mendapat idea untuk membawa pembangunan wanita dalam sukan sebagai salah satu agenda KBS?

J: Baiklah, jika ditanya berkenaan idea tersebut, terdapat dua perkara yang membuatkan saya mendapat ilham untuk membangunkan wanita dalam sukan semasa perkhidmatan saya di KBS. Pertama, latar belakang saya adalah dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan sudah semestinya penglibatan wanita adalah daripada pelbagai sudut dan bidang. Kita dapat lihat dalam Dasar Wanita Negara yang dilengkapi dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) mengandungi 13 strategi dan salah satunya adalah sukan. Sudah semestinya KBS adalah ‘ketua’ bagi sukan. Apabila saya berkhidmat di KBS pula, saya dapat tahu yang IYRES laksanakan Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia dan saya dapati penglibatan golongan wanita dalam sukan kurang memberangsangkan.

Tidak dinafikan penglibatan wanita dalam sesetengah bidang memang membanggakan cuma di dalam sukan masih perlu diberi perhatian kerana pada pandangan saya isunya adalah sama iaitu kurang sistem sokongan yang padu untuk wanita menyertai sukan, tidak mendapat sokongan daripada keluarga bagi mereka yang telah berkeluarga dan ada yang tidak tahu langsung berkenaan peluang yang diberikan. Jadi di situlah tercetusnya idea saya untuk membawa pembangunan wanita dalam sukan di KBS. Bagi saya, wanita juga perlu diberi ruang dan peluang yang sama untuk menyertai bidang sukan. Pilihan di tangan mereka tetapi peluang seharusnya diberi sama rata. Disebabkan itulah inisiatif dari KBS membangunkan Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan yang memfokuskan pelbagai bidang, kesedaran dan pembelaan (*advocacy*) untuk membantu golongan wanita supaya segala maklumat berkenaan penglibatan dalam sukan dapat disampaikan kepada mereka. Sekali lagi, pendidikan dan sistem sokongan adalah sangat penting bagi menggalakkan wanita terlibat dalam bidang sukan yang mereka minat.

Untuk pengetahuan, wanita sememangnya perlu sokongan yang padu terutamanya daripada keluarga. Mereka juga memerlukan sokongan tersebut kerana wanita sesekali berasa tiada keyakinan diri. Contohnya mereka ada juga terfikir “mampukah saya lakukan sesuatu kerana saya ni adalah wanita”. Ya, wanita boleh jika mereka ada keyakinan diri yang mantap. Sebagai wanita juga, kita perlu beri sokongan dan dorongan kepada wanita yang lain dan saya percaya golongan wanita pasti akan lebih berjaya di masa akan datang. Saya juga percaya sekiranya mereka menyokong antara satu sama lain, saya pasti golongan lelaki juga akan lebih memahami mengapa wanita memerlukan sokongan dan seterusnya bekerjasama sebagai satu pasukan bagi memastikan apa yang mereka impikan dapat dicapai.

S: Datuk ada maklumkan sebentar tadi bahawa sokongan daripada pelbagai pihak amat penting dalam menggalakkan lebih banyak penglibatan golongan wanita dalam bidang sukan. Berdasarkan pengalaman Datuk, adakah terdapat perbezaan dari segi penglibatan wanita dalam sukan pada masa sekarang jika dibandingkan dengan zaman dahulu?

J: Jika dibandingkan dengan zaman dahulu memang banyak sangat perubahan dan sudah semestinya lebih ramai wanita yang melibatkan diri dalam bidang sukan. Ini kerana wanita pada masa kini mendapat pendidikan yang lebih baik. Pada masa yang sama mereka lebih banyak ceburi pelbagai bidang yang ramai tidak jangka wanita juga mampu melaksanakannya. Sebagai contohnya, dahulu tiada angkasawan yang terdiri daripada golongan wanita tetapi kini ramai wanita yang berjaya menjadi angkasawan. Begitu juga dalam sektor ketenteraan, wanita juga berjaya ceburi bidang tersebut dan ada di antara mereka yang menjadi juruterbang. Disebabkan itulah sebenarnya sokongan daripada keluarga dan masyarakat amat penting bagi memastikan golongan wanita juga mampu berjaya sebagaimana golongan lelaki.

S: Bagaimana pula dengan perkembangan jenis sukan yang dipertandingkan jika dibandingkan dengan zaman dahulu?

J: Dahulu sukar untuk kita dengar dan lihat atlet wanita yang menyertai acara memanah, menembak, boling dan sebagainya. Kini mereka juga bertanding dalam acara yang sama dengan golongan lelaki dan pencapaian mereka juga amat memberangsangkan. Kita juga tahu yang tidak semestinya atlet wanita akan dilatih oleh jurulatih wanita kerana terdapat

juga sukan yang dilatih oleh jurulatih lelaki. Di sini ingin saya tegaskan bahawa golongan wanita perlu tahu, faham dan sedar akan hak dan sensitiviti mereka sekiranya dilatih oleh jurulatih berlainan jantina terutama jurulatih yang diimport dari luar negara berikutan perbezaan budaya dan jurulatih juga perlu tahu batasan semasa sesi latihan bersama atlet. Justeru itu kami tekankan betapa pentingnya ilmu dan kesedaran berkenaan sukan dan cabaran yang dihadapi terutamanya kepada atlet-atlet wanita muda.

S: Dengan melihat kepada usaha KBS dalam merencanakan pembangunan wanita dalam sukan, adakah Datuk berpuas hati dengan inisiatif tersebut atau Datuk merasakan masih belum mencapai sasaran yang sebenar dan apakah bentuk usaha tambahan yang boleh dilaksanakan Kementerian bagi memastikan pembangunan wanita dalam sukan diangkat ke peringkat yang lebih tinggi?

J: Pada pandangan saya, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan KBS bagi memastikan penglibatan golongan wanita dalam sukan dapat ditingkatkan dan saya yakin KBS boleh menjayakannya. Saya juga berpendapat bahawa usaha ni perlu mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak agar golongan wanita dapat dilibatkan bukan sahaja sebagai atlet tetapi juga berkhidmat dalam pentadbiran sukan. Kita dapat lihat bahawa golongan wanita masih kurang dilibatkan dalam mana-mana lembaga sukan dan saya berpendapat bahawa kita sepatutnya mengaplikasikan dasar sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan korporat berdasarkan kelayakan.

S: Jika kita dapat lihat masih terdapat lagi kekurangan keberkesanan usaha mengarusperdanakan gender yang melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta. Apakah pendapat Datuk dalam hal ini?

J: Untuk mengarusperdanakan gender, pada pandangan saya ia merupakan peranan semua kementerian kerana wanita terlibat dalam semua aspek bukan sahaja aspek pembangunan keluarga tetapi juga dalam pelbagai sektor dan industri. Saya yakin terdapat usaha di kementerian dan sektor swasta lain juga yang berusaha untuk meningkatkan penglibatan golongan wanita dalam pelbagai sektor yang mereka fokuskan cuma apa yang menjadi halangan adalah tiada kesinambungan atau *no continuity* terhadap usaha tersebut dan ia berhenti di situ sahaja.

S: Apakah harapan Datuk terhadap pembangunan wanita di Malaysia dalam masa 5 tahun akan datang?

J: Saya ingin melihat lebih ramai wanita di peringkat tertinggi (pembuat keputusan) dalam sektor awam dan swasta yang mana ianya masih lagi menjadi cabaran kepada mereka. Saya juga mengharapkan agar mereka berjaya mencapai apa sahaja yang mereka usahakan dengan mendapat sokongan yang padu daripada keluarga dan masyarakat kerana tanpa sistem sokongan tersebut golongan wanita tidak akan mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.



Kelainan Yang Tidak Membataskan, Tokoh Olahragawati Paralimpik Bukti Kejayaan Tiada Sempadan

“*Saya mula mengalami kesukaran untuk berjalan ketika berumur 15 tahun apabila saya tidak boleh melangkah seperti biasa dan hilang kestabilan badan ketika menunggang basikal serta kerap jatuh apabila tersepak batu*”



Luar biasa dan tinggi semangat juang. Itulah kata-kata yang dapat digambarkan penulis sewaktu bertemu dengan seorang wanita yang tidak pernah kenal erti mengalah walaupun pelbagai cabaran yang dilalui dalam hidupnya. Siapa sangka beliau pernah memegang rekod peribadi ranking ke-1 Malaysia pada tahun 2004 – 2010 dan 2016 dan ranking ke-45 dunia pada tahun 2004 bagi Acara Tenis Berkerusi Roda Wanita. Kelincahannya sewaktu perlawanan dan ketika menjalani latihan tenis amat dikagumi sehingga tidak terlintas di fikiran akan kebolehan insan istimewa seperti beliau. Bahkan sewaktu penulis menghadiri sesi latihannya di Kompleks Sukan Jalan Duta, Kuala Lumpur, wanita besi ini sedang melatih beberapa bakat baru dalam sukan tenis berkerusi roda dan apa yang membanggakan adalah anak-anak muda tersebut memiliki semangat yang sama iaitu tidak kenal erti mengalah untuk mencapai kejayaan.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda (Dengan Kepujian) Kejuruteraan Perisian (*Software Engineering*) dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan kini sedang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Kanan) di Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia. Insan istimewa ini ialah Puan Norisah Bahrom, Atlet Paralimpik Negara (Tenis Berkerusi Roda) dan beliau merupakan isteri kepada Abu Samah Borhan yang juga Atlet Paralimpik Negara (Tenis Berkerusi Roda). Mempunyai seorang cahaya mata lelaki bernama Adam Daniel Abu Samah yang berusia 9 tahun dan baginya ia merupakan salah satu rahmat Allah yang hebat dan tidak dijangka. Jelas Norisah, pada ketika itu beliau tidak digalakkan untuk mengandung memandangkan sedang dalam persediaan ke Sukan Paralimpik London 2012. Namun kuasa Allah tiada siapa dapat menghalang dan beliau selamat melahirkan anaknya pada usia kandungan mencecah 33 minggu secara normal. Tambahnya lagi, proses tumbesaran Adam adalah cepat berbanding bayi pramatang yang lain selain menceritakan bahawa anaknya seorang yang mudah dijaga dan tidak banyak kerehah.

Menceritakan kembali sejarah hidupnya, Norisah menjelaskan bahawa beliau dilahirkan secara normal sama seperti kanak-kanak lain, seorang yang aktif dan membesar tanpa sebarang masalah sehinggalah beliau berusia 15 tahun.

Keluarganya membawa beliau berjumpa dengan pakar bagi mendapatkan rawatan terperinci dan doktor mengesahkan beliau mengalami masalah pada tulang belakang yang tidak sempurna pembesarannya dan mengakibatkan urat saraf juga tidak dapat berfungsi dengan baik. Keadaan kekuatan kakinya juga berkurangan dan menjadi lemah dari setahun ke setahun sehinggalah beliau menggunakan kerusi roda di usia 18 tahun untuk bergerak.

Keputusan Yang Mengubah Masa Hadapan

Namun itu tidak mematahkan semangat beliau untuk mencapai impiannya iaitu melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dalam bidang yang diminati iaitu komputer dan teknologi maklumat (IT). Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) beliau terus memulakan langkah dengan membuat permohonan ke Pusat Pemulihan Orang Cacat, Cheras (PPC) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Muar, Johor. Usahanya membuahkan hasil apabila beliau menjadi wanita pertama yang berjaya lulus peperiksaan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), Peringkat Asas dan Pertengahan Kursus RTV di Pusat tersebut.

“Kejayaan ini membuktikan bahawa wanita juga boleh berjaya dalam bidang yang dipelopori oleh lelaki dan saya berjaya menutup ejekan rakan-rakan lelaki mengenai kebolehan saya dalam bidang tersebut”

Ditanya berkenaan cara beliau menguruskan masa di PPC, jelas Norisah beliau mengamalkan stigma “menghargai sepenuhnya masa” justeru selain belajar, masanya sentiasa dipenuhi dengan segala aktiviti yang bermanfaat seperti urusan koperasi, persatuan, sukan lumba kerusi roda dan persembahan tarian kerusi roda di luar. Secara tidak langsung dengan menyertai aktiviti-aktiviti tersebut, beliau berjaya memupuk semangat dan membentuk keyakinan diri dengan lebih baik.

Bagaikan tiada noktah dalam hidupnya, Norisah menyambung pengajian di peringkat Diploma dalam bidang Multimedia Programming di Cosmopoint selama 2 tahun 6 bulan sambil bekerja dan berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan cemerlang PNGK 3.33. Kegigihan dan semangat yang luar biasa ini membuatkan beliau memberikan apa jua yang terbaik dalam semua bidang yang diceburi. Semangat dan azam beliau untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi membuahkan hasil apabila berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Kejuruteraan Perisian (*Software Engineering*).

“*Mencari ilmu adalah No. 1 dalam hidup saya. Dari pengalaman silam saya menyedari tanpa ilmu kita tidak boleh berjaya terutama kepada orang kurang upaya. Ilmu dapat menaikkan taraf orang kurang upaya sendiri dan dapat mengubah pandangan masyarakat umum kepada orang kurang upaya yang dulunya dianggap peminta sedekah*”





Penglibatan Dalam Dunia Sukan

Berkongsi pengalamannya dalam bidang sukan, Norisah berkata sejak kecil beliau sememangnya seorang yang sangat aktif dan sukakan kepada kelajuan dan kepantasan justeru beliau sangat meminati sukan lumba lari dan lumba basikal. Ketika di PPC, beliau mewakili Selangor di Kejohanan Sukan Kebangsaan Orang Kurang Upaya, Sarawak pada tahun 1996 dan ia merupakan kali pertama beliau mengikuti sukan para. Acara sukan yang beliau sertai adalah lumba kerusi roda 100m, 200m, 400m dan 800m.

Pada kejohanan ini beliau telah berjaya memperoleh dua emas, satu perak dan 1 gangsa. Selain kejohanan kebangsaan, beliau turut menyertai larian marathon sejauh 5km kategori kerusi roda dan memenangi tempat pertama atau kedua. Ditanya mengapa beliau memilih sukan tersebut, jelas Norisah beliau amat meminati sukan lasak yang memerlukan banyak penggunaan fizikal dan kepantasan.

Tambahnya lagi, beliau telah mencuba sukan memanah pada tahun 1998 dan buat pertama kalinya acara memanah diperkenalkan pada Kejohanan Kebangsaan Paralimpik Malaysia di Shah Alam pada tahun tersebut. Menariknya, beliau berjaya memenangi pingat emas dalam acara memanah pada kejohanan tersebut.

Seterusnya beliau mula berjinak dengan sukan lawan pedang pada tahun 2000 dan pada tahun yang sama sukan tersebut diperkenalkan pada Kejohanan Kebangsaan Paralimpik Malaysia yang berlangsung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Bangi, Selangor. Sekali lagi beliau berjaya meraih emas dalam acara tersebut.

Mula berkecimpung dalam dunia sukan tenis pada tahun 1998, jelas Norisah ia merupakan salah satu kenangan yang paling manis dalam hidupnya. Tambahnya, sukan ini diperkenalkan kepada beliau oleh seorang atlet tenis berkerusi roda nombor satu Malaysia ketika itu iaitu Abu Bakar Che Mat dan itulah kali pertama beliau mengetahui tentang sukan tenis berkerusi roda.

Beliau menambah, sukan yang hanya diceburi kerana ingin mengisi masa lapang dan sekadar suka-suka bertukar menjadi serius apabila beliau terpilih untuk mewakili Malaysia di kejohanan antarabangsa.

“Segala bakat dan pengalaman tidak akan terhenti begitu sahaja walaupun kini saya merupakan bekas atlet paralimpik negara. Ini adalah kerana saya masih diperlukan oleh persatuan Wheelchair Tennis Malaysia untuk membantu persatuan di dalam pembangunan terutama di dalam mencari pelapis, menilai bakat dan menjalankan program pembangunan”

Penampilan sulung beliau adalah di Kejohanan FESPIC (Far East and South Pacific Games for the Disabled) pada tahun 1999 di Bangkok dan apa yang membanggakan apabila pasukan wanita berjaya meraih pingat gangsa. Selepas penampilannya di Bangkok, pada tahun 2000 beliau mewakili Malaysia di Kejohanan Terbuka Belgium (Johan Kategori Berpasangan dan Naib Johan Kategori Individu), Kejohanan Terbuka Dutch, Belanda (Ketiga Kategori Berpasangan) dan Kejohanan Terbuka France, Perancis (Naib Johan Kategori Berpasangan). Sebagai atlet yang baru mengikuti kejohanan antarabangsa, Norisah diletakkan dalam kumpulan second draw. Lebih membanggakan apabila pasukan wanita menduduki tempat ke-12 dunia di Kejohanan Dunia Tenis Berkerusi Roda Berkumpulan Perancis.

“Tidak dinafikan sukan ini sangat mencabar. Selalunya saya tidak mengambil masa yang lama untuk mahir dalam acara sukan yang saya ceburi tetapi sukan tenis berkerusi roda mengambil masa yang agak lama untuk mahir kerana sambil mengayuh kerusi roda dengan kedua-dua belah tangan, saya perlu mengejar dan memukul bola mengikut teknik yang betul. Sekiranya lambat mengejar bola maka kita akan terlepas bola lawan”

Pada tahun 2004, beliau melakar sejarah apabila menduduki ranking ke-45 dunia bagi kategori Tenis Berkerusi Roda Wanita (Individu). Selepas itu lebih banyak siri kejohanan dunia yang beliau sertai termasuk Kejohanan Dunia Tenis Berkerusi Roda Berkumpulan Switzerland, Tenis Terbuka Jessolo, Itali, Kejohanan Dunia Tenis Berkerusi Roda Berkumpulan Itali, Tenis Terbuka Malaysia, Kejohanan FESPIC Korea, Kejohanan Dunia Tenis Berkerusi Roda Berkumpulan Poland, Kejohanan Dunia Tenis Berkerusi Roda Berkumpulan New Zealand dan Sukan Para Asia Incheon, Korea dengan menyumbangkan beberapa pingat buat negara.

Tambah Norisah, antara saat yang paling manis adalah apabila beliau berjaya mendapat pingat gangsa pada Kejohanan FESPIC KL 2006 dimana kejohanan ini pertama kali dianjurkan di Malaysia. Selain itu, beliau turut berjaya meraih dua gangsa ketika Paragames Asia 2007 dan dua gangsa dalam Sukan Paragames 2009 di Kuala Lumpur. Kejohanan antarabangsa terakhir yang beliau sertai adalah pada tahun 2017 iaitu Kejohanan Terbuka Malaysia dan merupakan Naib Johan bagi kategori individu. Jelas Norisah, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, penyertaan Kejohanan Dunia Tenis Berkerusi Roda Berkumpulan daripada kategori wanita tidak dapat diteruskan. Sehingga kini pasukan wanita Malaysia tenis berkerusi roda masih mencari peluang untuk kelayakan ke kejohanan tenis kedua terbesar di peringkat dunia semula.

Penghargaan

Hasil usaha gigih dan minatnya yang mendalam terhadap bidang sukan serta sikapnya yang tidak pernah mengalah melayakkan Norisah dan pasukannya untuk menerima anugerah berprestij iaitu Anugerah 'Best Women Team Of The Year 2002' pada Kejohanan Tenis Berkerusi Roda Dunia Berkumpulan di Itali dan turut dianugerahkan Anugerah Olahragawati Paralimpik pada tahun 2009.

Selain daripada bidang sukan, beliau turut menerima pelbagai penghargaan sepanjang perkhidmatan beliau ketika bersama Celcom (M) Sdn Bhd dan perkhidmatan beliau sebagai penjawat awam. Antara anugerah peringkat kebangsaan dan negara yang diterima ialah Anugerah Tokoh Pekerja Wanita Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2003 dan Anugerah Tokoh Pekerja Negara 2014. Kedua-dua anugerah tersebut dianugerahkan sempena Sambutan Hari Pekerja dan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Ditanya apakah prinsip hidupnya yang memandu beliau mencapai impian dan kejayaan tanpa membataskan dirinya untuk berjaya seperti orang lain, Norisah berkata prinsipnya hanya satu iaitu **“Kecacatan Bukan Penghalang Untuk Mencapai Kejayaan”**.



“Walaupun saya memiliki ijazah sarjana muda di usia 45 tahun, namun saya tidak pernah menyesal kerana saya sangat berpuas hati dapat mengorbankan masa muda saya untuk negara dan mengharumkan nama Malaysia di persada dunia”

Pecahkan Stereotaip 'Kasar' Dan 'Ganas', Diiktiraf Pemain Terbaik Wanita Peringkat Antarabangsa

Bertudung, berpenampilan dan berpewatakan menarik. Itulah tanggapan pertama terhadap beliau namun tersembunyi seribu 'rahsia' yang membuktikan bahawa wanita ini sememangnya luar biasa. Sikapnya yang berani mencuba dan minat yang mendalam terhadap bidang sukan membuatkan beliau memilih untuk menjadikan sukan yang dilihat 'kasar' dan 'ganas' ini sebagai kariernya. Wanita bernama Rozliana Ridwan atau lebih dikenali sebagai Rozy, 30 tahun berjaya memecahkan stereotaip masyarakat yang menganggap sukan ragbi ini sebagai 'kasar' dan 'ganas' serta lebih sinonim untuk golongan lelaki sahaja. Tiada siapa menyangka bahawa skuad ragbi kebangsaan wanita telah pun melakar sejarahnya yang tersendiri dan sukan ini semakin mendapat tempat dalam kalangan wanita masa kini.

Berkongsi pengalaman bagaimana perjalanan karier ragbinya bermula, Rozy mendedahkan bahawa sebelum ini dia lebih aktif dalam sukan bola jaring. Bergiat aktif sejak berumur 13 tahun sehingga di peringkat universiti, dia juga merupakan atlet bola jaring mewakili Kuala Lumpur. Rozy turut menjelaskan bahawa penglibatannya dalam sukan ragbi berlaku tanpa dirancang. Segalanya bermula pada tahun 2016 apabila rakannya mengajak untuk menyertai sukan ragbi dan berlatih di bawah Kelab Simba Rugby UiTM atau lebih dikenali sebagai UiTM Simba Rugby Club (Simba RC) walaupun tidak mempunyai ilmu dan pengalaman dalam sukan tersebut. Apa yang pasti menurut Rozy, minatnya yang mendalam terhadap sukan ragbi membuatkan beliau tidak berfikir panjang untuk menerima ajakan daripada rakannya meskipun itulah kali pertama mereka memegang bola ragbi.



Pada masa yang sama, program Hari Sukan Negara (HSN) 2016 turut menganjurkan Kejohanan Terbuka Ragbi Wanita HSN 2016 pada 8 Oktober 2016 di Putrajaya dan ia merupakan perlawanan pertama yang disertai. Tambah Rozy, dia memberikan persembahan yang terbaik semasa kejohanan tersebut dan tanpa disangka dia terus dipanggil untuk menyertai pemilihan skuad kebangsaan bagi persediaan ke Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Seperti peribahasa Melayu "jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya" amat sesuai menggambarkan hasil minat yang mendalam dan usaha gigihnya dalam sukan ragbi ini akhirnya membuka peluang kepada Rozy untuk terus melangkah jauh dalam sukan tersebut.

Bercerita lebih lanjut, Rozy juga berkata antara salah satu sebab dia memilih sukan yang dahulunya dimonopoli oleh golongan lelaki adalah kerana ia merupakan sesuatu yang baru dan boleh melangkah lebih jauh serta peluang untuk mewakili skuad negara adalah lebih luas. Menurutnya lagi, sukan ragbi ini berbeza dengan sukan yang lain kerana ia merupakan sukan berpasukan yang paling cepat berkembang dan memiliki semangat juang yang tinggi dan berbeza ketika berada di padang kerana mereka berjuang untuk mencapai kemenangan dan perasaan itu sukar untuk diluahkan. Perasaan itu menurut Rozy hanya dapat diluahkan di padang dan ianya bagaikan satu nikmat yang luar biasa apabila mereka mencapai kemenangan.



Kemunculan sulungnya mewakili skuad negara bersama skuad ragbi wanita tujuh sepasukan (7's) negara atau lebih dikenali sebagai Panthera Ladies adalah di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dan skuad ragbi 7's wanita negara berjaya mencatat sejarah apabila menghadihkan pingat gangsa kepada Malaysia selepas menundukkan Filipina 7-5. Biarpun tidak mendapat emas, bagi Rozy mereka sangat berpuas hati dengan prestasi pasukan apabila memenuhi sasaran gangsa bagi acara ragbi wanita dan ia merupakan kemenangan pertama Rozy selepas kali pertama menyertai skuad kebangsaan dalam sukan tersebut. Baginya, ia merupakan kenangan yang manis dan menjadi pembakar semangatnya untuk melangkah lebih jauh dan membawa nama Malaysia di persada dunia.

Skuad ragbi 7's wanita negara sekali lagi melakar sejarah apabila berjaya menumpaskan pasukan Filipina 10-7 dengan mempamerkan aksi cemerlang di Kejohanan Asia Rugby's Women Sevens Trophy di Brunei pada tahun 2018. Apa yang lebih membanggakan adalah pada ketika itu, Rozy diberi tanggungjawab sebagai kapten pasukan. Tambahnya lagi, mereka hanya meletakkan sasaran untuk beraksi di pentas separuh akhir sahaja namun tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu.

Kejayaan tersebut sekali gus melayakkan skuad ragbi 7's wanita Malaysia ke Siri Tujuh Sebelah Asia atau Asia Rugby Sevens Series pada tahun 2019. Menurut Rozy, kejayaan skuad ragbi 7's wanita negara ke acara berprestij itu merupakan salah satu pencapaian yang paling membanggakan memandangkan pasukan dari negara lain seperti Hong Kong, Jepun, China, Kazakhstan, Singapura, Thailand dan Sri Lanka merupakan pasukan yang hebat. Walaupun Malaysia belum berjaya menewaskan mana-mana negara dalam kejohanan tersebut namun mereka tetap berpuas hati kerana mereka berjaya mengekalkan kedudukan dalam siri kejohanan itu.



Dalam Sukan SEA Filipina 2019 yang berlangsung pada tahun 2019 menyaksikan skuad ragbi 7's wanita berjaya mengekalkan pingat gangsa yang dimenangi pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Walaupun gagal menepati sasaran, Rozy akui bermula dengan kejayaan skuad wanita kebangsaan di pentas antarabangsa menjadi titik permulaan sukan ragbi ini mula mendapat perhatian dan potensinya dalam kalangan wanita jelas kelihatan.

Melihat kepada komitmennya bersama skuad ragbi 7's wanita negara, jelas kelihatan beliau memiliki semangat juang yang tinggi. Selepas empat tahun menceburi sukan ragbi, atas usaha dan pencapaiannya, beliau menerima Anugerah Pemain Ragbi Wanita Terbaik Antarabangsa di Majlis Anugerah Ragbi Kebangsaan 2019. Majlis anugerah tersebut yang pertama kali dianjurkan oleh Kesatuan Ragbi Malaysia telah berlangsung di Mercu UEM pada 30 Mac 2019 dan ia merupakan anugerah tertinggi untuk menghargai kesemua pemegang taruh yang telah mengangkat martabat sukan ragbi tanah air.



Menurut Rozy, pencapaian ini memberikan motivasi kepada dirinya untuk terus maju ke hadapan dan menyuntik semangatnya untuk terus melakukan kejutan dalam kariernya.

Ditanya apakah perancangannya bagi tahun 2020, Rozy menjelaskan bahawa beliau telah membuat keputusan untuk menghabiskan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang sains sukan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan 'berehat' sebentar daripada pasukannya. Tambah Rozy, dia menangguhkan pengajiannya pada tahun lepas kerana memberi fokus kepada kejohanan Siri Ragbi Asia 7's yang berlangsung di beberapa buah negara selain menjalani latihan di kem latihan kebangsaan untuk pemilihan pemain ke Sukan SEA Filipina 2019.

Walaupun tidak turun padang bersama pasukannya, jurulatih dan pihak pengurusan skuad ragbi 7's wanita negara memberikan tawaran kepadanya sebagai pembantu jurulatih untuk pasukan wanita bawah 22 tahun. Peluang ini digunakan Rozy sebaik mungkin untuk menambah ilmu dan mengasah dirinya dalam dunia kejurulatihan.



Berkongsi pandangannya terhadap golongan wanita yang ingin menceburi sukan ragbi, jelas Rozy perkara pertama sebelum menyertai sukan ini adalah mereka perlu buang perasaan takut dan tidak memikirkan sukan ini sebagai 'ganas'. Ini adalah kerana mereka akan dibekalkan dengan teknik yang betul untuk kurangkan kecederaan dan mereka perlu berani untuk bermain ragbi. Selain itu, perlunya ada 'jiwa' dan minat yang mendalam kerana menurut Rozy elemen tersebut amat penting dan membuatkan seseorang itu lebih kuat dan fokus apabila berada di padang.



Tamatkan Kemarau Hampir 20 Tahun, Kejayaan Anak Didik Bukti Komitmen Guru Tidak Berbelah Bahagi

“*Saya tidak pernah terfikir untuk bawa pasukan kami sehingga ke tahap ini kerana saya hanyalah insan biasa dan sudah semestinya kejayaan ini akan menjadi kenangan paling indah sepanjang saya menjadi jurulatih Pasukan Bola Jaring Langkawi dan juga jurulatih Pasukan Bola Jaring SMK Mahsuri*”



Kejayaan ini sudah semestinya menjadi kenangan yang paling bermakna buat salah seorang jurulatih yang juga guru di SMK Mahsuri, Langkawi iaitu Nurul Shahadah Mat Zuki selepas 7 tahun melatih skuad bola jaring sekolahnya. Lebih manis, salah seorang anak didiknya, Nisha Adilla Md Hadzir berjaya mencuri tumpuan selepas mempamerkan aksi yang cemerlang sepanjang kejohanan berlangsung sekali gus dianugerahkan Pemain Terbaik Bawah 15 Tahun. Pencapaian ini menjadi pembakar semangatnya sebagai jurulatih pasukan untuk terus melatih dan mencurahkan segala ilmu serta pengalaman kepada pasukannya agar terus memperkukuh kedudukan di masa akan datang.

Anak jati Pulau Langkawi, Kedah ini sememangnya memiliki semangat yang waja dalam bidang sukan yang diceburinya. Menyertai sukan bola jaring sejak di bangku sekolah lagi, guru muda ini bukan sahaja memiliki kemahiran dan pengalaman yang luas tetapi juga minatnya yang mendalam terhadap sukan ini mendorong beliau untuk melatih anak didiknya untuk turut cemerlang dalam sukan yang sama.

Mengimbas kembali detik-detik manis seorang guru yang juga jurulatih Pasukan Bola Jaring Langkawi apabila kemarau selama hampir 20 tahun berjaya ditamatkan selepas pasukannya dinobatkan sebagai johan bagi kategori bawah 15 tahun pada Kejohanan Bola Jaring Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK) bagi tahun 2017. Pada tahun berikutnya, Skuad Bola Jaring Langkawi sekali lagi mencipta sejarah apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan pada Kejohanan Bola Jaring Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK) bagi tahun 2018 dengan membolot kedua-dua kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Bawah 15 Tahun dan Kategori Bawah 18 tahun.



Berkongsi penglibatannya dalam sukan bola jaring, beliau bermula sejak di bangku sekolah menengah apabila terpilih untuk mewakili daerah Langkawi seawal usia 14 tahun ke peringkat negeri iaitu Kejohanan Bola Jaring Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK). Sejak daripada itu beliau terus diberi kepercayaan untuk mewakili sekolah dan daerah Langkawi untuk kejohanan bola jaring yang diadakan.

Penglibatannya diteruskan semasa beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak dan terpilih untuk mewakili UPSI ke peringkat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Selepas menamatkan pengajian di UPSI, beliau kembali ke Langkawi dan berkhidmat sebagai guru di SMK Mahsuri. Minatnya yang mendalam terhadap sukan bola jaring dan sudah sebatikan dengan dirinya sejak di sekolah rendah tidak pernah padam dan bermula tahun 2014 khidmatnya sebagai jurulatih diperlukan bagi menggantikan jurulatih utama SMK Mahsuri yang bercuti kerana bersalin.



Peluang yang diberikan digenggam kemas dan dari situlah bermulanya 'karier' beliau sebagai jurulatih skuad bola jaring SMK Mahsuri dengan bantuan guru-guru yang lain. Berkat komitmen, usaha serta minat yang mendalam membuatkan beliau telah terpilih untuk melatih Pasukan Bola Jaring Langkawi bagi peringkat Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK) seterusnya pada tahun 2017 sehingga 2020 beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi jurulatih bagi Pasukan Bola Jaring Negeri Kedah bagi peringkat Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Melihat kepada pencapaian dan penglibatannya dalam sukan bola jaring, jelas dapat disimpulkan bahawa beliau memiliki sistem sokongan yang padu. Ditanya apakah dorongan yang membuatkan beliau meneruskan minat dan penglibatan dalam sukan bola jaring, jelas Nurul Shahadah sokongan daripada suami dan keluarganya yang sentiasa menyokong serta memberi motivasi kepadanya banyak mendorong beliau untuk memberikan yang terbaik dalam setiap sesi latihan dan kejohanan yang disertai. Tambahnya lagi, semua ahli keluarga suaminya juga terlibat secara aktif dalam sukan bola jaring menjadikan mereka berkongsi minat yang sama dan tiada masalah baginya untuk terus bergiat aktif dalam sukan tersebut.



Nurul Shahadah turut menambah bahawa beliau amat berpuas hati dengan prestasi anak didiknya dan sepanjang beliau menjadi jurulatih bagi pasukan SMK Mahsuri, lima orang pemain bola jaring di bawah bimbingannya telah dipilih mewakili Kedah bagi kejohanan negeri yang disertai. Antara pencapaian lain skuad bola jaring bimbingannya adalah Tempat Ketiga Kategori Bawah 18 Tahun pada Kejohanan MSSK tahun 2019 dan Johan bagi Kategori Bawah 18 Tahun pada Kejohanan MSSK tahun 2020.

Syabas diucapkan!



Berkongsi pengalaman semasa melatih pasukannya, jelas Nurul Shahadah, selain daripada komitmen yang tinggi dan minat terhadap sukan tersebut, pemain bola jaring seharusnya memiliki disiplin yang tinggi dalam membuat segala persiapan sebelum menyertai mana-mana kejohanan dan fokus terhadap setiap latihan yang diberikan.

Ahli pasukannya juga akan dilatih dari awal dan dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran dalam bola jaring supaya teknik permainan dapat dikuasai dengan lebih padu.

Sebagai jurulatih, beliau amat menitikberatkan kecergasan (*fitness*) pasukannya yang mana mereka diwajibkan untuk berjoging selama 10 minit sebelum melakukan aktiviti-aktiviti lain. Bagi pasukannya yang mewakili daerah dan negeri, latihan kecergasan mereka adalah lebih berat berbanding pasukan yang mewakili peringkat sekolah.

Latihan akan bermula tiga bulan sebelum kejohanan dan dilaksanakan pada jam 5.00 – 7.00 petang selepas sesi persekolahan. Pada peringkat awal latihan, pasukannya akan didedahkan dengan latihan asas dalam permainan bola jaring seperti teknik hantaran atau lontaran yang betul, teknik menerima bola, teknik kawalan, teknik mengelak, menghadang, gerak kaki, lompatan dan teknik menjaring.

Selepas beberapa minggu, beliau akan berkongsi strategi perlawanan dengan anak buahnya dan mereka akan teruskan latihan sehingga menjelang kejohanan yang disertai.

